

# Jadi Negara Keusahawanan 2030

**Dr Mahathir mahu setiap kementerian terlibat bergerak dalam pasukan**

KUALA LUMPUR

**P**erdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad mahu pelaksanaan Dasar Keusahawanan Nasional meletakkan Malaysia sebagai Negara Keusahawanan tulen menjelang 2030.

Berucap melancarkan dasar yang mengandungi lima objektif dan enam elemen teras itu semalam, beliau berharap ia akan menjadi pemangkin kepada budaya keusahawanan. "Untuk itu, setiap kementerian dan agensi yang terbabit dalam usaha membangun usahawan perlu bergerak sebagai satu pasukan dalam pelaksanaan dasar itu," katanya pada majlis yang berlangsung di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur di sini.

Beliau menegaskan, sebagai sebuah dasar holistik, Kementerian Pembangunan Usahawan perlu fokus membina ekosistem keusahawanan yang inklusif, seimbang dan mampan. Beliau bertujuan meningkatkan bilangan usahawan yang berkualiti, berdaya maju, berdaya tahan serta mempertingkatkan

Malaysia mampu tarik pelabur

KUALA LUMPUR - Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, walaupun keadaan ekonomi dunia tidak menentu akibat perang perdagangan antara Amerika Syarikat (AS) dan China, Malaysia masih mampu menarik pelaburan langsung asing (FDI) yang tinggi mencecah RM11.7 bilion pada suku pertama 2019 berbanding RM11.2 bilion dalam suku yang sama pada 2018.

Katanya, laporan terkini Prospek Ekonomi Dunia Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) turut memberikan unjuran positif kepada Malaysia.

"KDNK dan pendapatan per kapita negara diramal meningkat dan berasaskan nilai semasa, Malaysia mampu mencapai status ekonomi berpendapatan tinggi menjelang 2021 atau 2022," katanya dalam ucapan utama beliau sempena pelancaran Dasar Keusahawanan Negara semalam. - *Bernama*

yang perlu diberi kepada *domestic investment* (DDI) selain pelaburan langsung asing (FDI) ke dalam negara sebagai persediaan menghadapi kemungkinan yang boleh merencat prestasi ekonomi negara.

Objektif Dasar Keusahawanan Nasional itu antara lain mewujudkan ekosistem keusahawanan yang holistik dan kondusif bagi menyokong agenda pembangunan ekonomi negara yang inklusif, seimbang dan mampan.

Jika bertujuan meningkatkan bilangan usahawan yang berkualiti, berdaya maju, berdaya tahan serta mempertingkatkan

keupayaan usahawan tempatan dan industri kecil dan sederhana.

Antara unsur teras yang dikenal pasti untuk menunjangi usaha itu ialah pembudayaan keusahawanan, tumpuan kepada perusahaan berteraskan inovasi serta pemeraksanaan prestasi perusahaan mikro, kecil dan sederhana.

Dalam pada itu, Dr Mahathir juga menekankan Malaysia akan memberi fokus kepada ekonomi berasaskan prinsip kemakmuran bersama.

"Kita berhasrat melihat negara membangun dengan lebih pesat namun, pembangunan ini tidak



Dr Mahathir merasmikan Dasar Keusahawanan Nasional 2030 di Kuala Lumpur semalam. Turut hadir Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Seri Mohd Reduan Yusof (kiri) dan Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Dr Mohd Hatta Md Ramli (kanan).

hanya dinilai melalui angka KDNK. Pembangunan dan kekayaan ini harus diagihkan dengan lebih adil kepada rakyat," katanya.

Perdana Menteri berkata, strategi Dasar Keusahawanan Negara dilihat seiring dan berupaya membantu memenuhi cita-cita negara untuk mencapai Wawasan Kemakmuran Bersama itu.

"Sudah pasti kemakmuran bersama akan turut mempunyai agenda bumiputera yang lebih terasar," katanya.

Dr Mahathir turut memberikan sebab mengapa kerajaan memberikan tumpuan kepada pembangunan keusahawanan dan



Dr Mahathir melawat pameran pada pelancaran Dasar Keusahawanan Nasional 2030 di Kuala Lumpur semalam.

perusahaan kecil dan sederhana.

"Mereka bukan sekadar untuk tingkatkan tahap ekonomi rakyat tetapi juga

sebagai strategi untuk keluaran negara daripada perangkap pendapatan pertengahan," jelasnya. - *Bernama*